

NAMA: .....

TINGKATAN: .....

1249/1  
Sejarah  
Kertas 1  
1 jam  
Okt 2021

1249/1



SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN KUHARA,  
TAWAU, SABAH

PANITIA SEJARAH SMK KUHARA, TAWAU

---

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SEJARAH  
SEJARAH TINGKATAN 5**

**Kertas 1**

**Satu Jam**

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

1. Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.
2. Jawab **semua** soalan.
- 3.

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A**, **B**, **C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif.

4.

Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.

---

Kertas soalan ini mengandungi 12 halaman bercetak

**Arahan:** Pilih jawapan yang tepat dan jawab semua soalan.

1. Raja bertanggungjawab memberikan perlindungan politik dan jaminan keselamatan kepada rakyatnya.

Bagaimanakah rakyat membalas tanggungjawab tersebut?

- A Memberi tanah
- B Menjalankan khidmat raja
- C Memberi taat setia
- D Menjadi hamba raja

2. Pada Zaman Kesultanan Melayu Melaka terdapat dua jenis undang-undang bertulis iaitu Hukum Kanun Melaka dan Undang- Undang Laut Melaka.

Apakah tujuan undang-undang tersebut digubal?

- A Mengukuhkan kedudukan dan kewibawaan raja
- B Menjamin kemakmuran dan kesejahteraan kerajaan
- C Mengelak pencerobohan dan campur tangan asing
- D Membuktikan kesetiaan rakyat kepada raja

3. Soalan 3 berdasarkan maklumat di bawah ini.

- |  |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"><li>• Revolusi Keagungan (1688)</li><li>• Revolusi Perancis (1789)</li></ul> |
|--|

Apakah persamaan matlamat yang diperjuangkan oleh revolusi berikut?

- A Nasionalisme antiraja
- B Raja berkuasa mutlak
- C Pembentukan parlimen
- D Bebas daripada penjajahan

4. Apakah pengaruh luar yang menyemarakkan semangat nasionalisme di negara kita?
- I** Dahagi India
  - II** Revolusi China
  - III** Gerakan Pan-Islamisme
  - IV** Pemberontakan Saya San
- A** I dan II
  - B** I dan IV
  - C** II dan III
  - D** III dan IV
5. Mengapakah British menghalang pengaruh Empayar Turki Uthmaniyah di negeri Melayu pada awal abad ke-20?
- A** Menggugat kuasa pentadbiran
  - B** Menyebarkan fahaman sekular
  - C** Menghalang semangat nasionalisme
  - D** Mengancam kepentingan ekonomi British
6. Kekejaman pemerintahan tentera Jepun mencetuskan penentangan penduduk.
- Apakah bentuk penentangan tersebut?
- I** Mengadakan demonstrasi
  - II** Pembentukan pasukan gerila
  - III** Penubuhan Rejimen Askar Melayu
  - IV** Mewujudkan tentera semut
- A** I dan II
  - B** I dan IV
  - C** II dan III
  - D** III dan IV
7. Mengapakah orang Melayu membantah Malayan Union yang diperkenalkan oleh British pada tahun 1946?
- A** Pemisahan Singapura dari Tanah Melayu
  - B** Perubahan status naungan Tanah Melayu
  - C** Hak kewarganegaraan melalui prinsip jus soli
  - D** Gabenor British mengetuai Malayan Union

8. Di sebalik penentangan terhadap penyerahan Sarawak, terdapat juga penduduk yang menyokong penyerahan tersebut.

Mengapakah hal ini berlaku?

- A Peluang untuk memajukan negeri
- B Mahu menjaga kepentingan peribadi
- C Terikat perjanjian dengan British
- D Peranan golongan intelektual di Sarawak

9. Pasangan manakah yang betul tentang perbezaan Perlembagaan Rakyat dengan Persekutuan Tanah Melayu (PTM) 1948.

	<b>Perlembagaan Rakyat</b>	<b>PTM 1948</b>
<b>A</b>	Tanah Melayu dengan Singapura disatukan	Gabungan 9 buah negeri-Negeri Melayu dan 2 buah Negeri-negeri Selat
<b>B</b>	Kerakyatan jus soli ditolak	Kerakyataan jus soli diterima
<b>C</b>	Raja Melayu Raja Berperlembagaan	Raja Melayu berkuasa mutlak
<b>D</b>	Bahasa Melayu dijadikan bahasa Kebangsaan	Bahasa Melayu diiktiraf bahasa pentadbiran negara

10. Berikut isi kandungan surat yang dibacakan di Parlimen British.

“ .....tiada seorang pun yang dapat menahan berduka atau terhadap perbuatan tergopoh-gapah dalam menentukan nasib sesuatu bangsa.....”

Apakah perbuatan “gopoh-gapah” tersebut?

- A Proses dekolonisasi British
- B Pengisytiharan Darurat
- C Pengenalan Malayan Union
- D Menerima Perlembagaan Rakyat

11. British melancarkan Perang Saraf bagi menangani ancaman komunis di Tanah Melayu.

Bagaimana langkah tersebut dilaksanakan?

- I Melonggarkan syarat kerakyatan
- II Menawarkan hadiah wang tunai

- III Memberikan tawaran pengampunan
  - IV Melaksanakan perintah berkurung
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

12. Gambar berikut berkaitan peristiwa Rundingan Baling.



Mengapakah rundingan tersebut gagal?

- A Keengganan PKM menerima syarat
  - B Tindakan konfrantasi dari Indonesia
  - C Pembunuhan pegawai tinggi British
  - D Bantahan penduduk Tanah Melayu
13. Jadual berikut merujuk kepada Sistem Ahli.

Nama Ahli	Portfolio
E.E.C Thuraisingham	Pelajaran
Dato' Onn Jaafar	X
Lee Tiang Keng	Kesihatan

Apakah X?

- A Pertanian
- B Perlombongan
- C Hal Ehwal Luar Negeri
- D Hal Ehwal Dalam Negeri

14. Apakah laporan pelajaran yang mencadangkan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di sekolah menengah?
- A Laporan Barnes 1951
  - B Ordinan Pelajaran 1952
  - C Laporan Fenn-Wu 1951
  - D Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956

15. Pernyataan berikut berkaitan dengan pilihan raya peringkat negeri.

Tarikh	Keputusan
1954	Perikatan UMNO-MCA telah memenangi 226 kerusi daripada 268 kerusi yang dipertandingkan

Apakah kesimpulan yang boleh dibuat daripada kemenangan tersebut?

- A Pelaksanaan pilihan raya adalah telus
  - B Kerjasama kaum mendapat sokongan
  - C Sokongan rakyat terhadap kemerdekaan
  - D Kewibawaan calon menjadi pilihan utama
16. Soalan 16 adalah berkaitan maklumat di bawah ini.

Majlis Perundangan Persekutuan 1955
-------------------------------------

Apakah kesan penubuhan majlis berikut terhadap negara?

- A British memberikan kemerdekaan
  - B Institusi raja diperkukuh
  - C Kuasa mentadbir di tangan rakyat tempatan
  - D Tanah Melayu bebas ancaman komunis
17. Pernyataan berikut yang manakah Terma Rujukan yang diberikan kepada Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu?
- A Melindungi kuasa mutlak raja Melayu
  - B Menjaga keistimewaan orang Melayu
  - C Pemusatan kuasa kepada kerajaan pusat

**D** Tiada kewarganegaraan kepada orang dagang

**18.** Dalam perjanjian Persekutuan 1957, bahasa Melayu diiktiraf sebagai bahasa Kebangsaan.

Apakah alasan munasabah negara kita memerlukan bahasa Kebangsaan?

**A** Bahasa rakyat asal Tanah Melayu

**B** Meneruskan warisan tradisi

**C** Mengiktirafkan orang Melayu

**D** Alat memupuk perpaduan

**19.** Mengapakah sambutan Hari Kemerdekaan dirancang sangat teliti?

**A** Atas arahan Yang di-Pertuan Agong

**B** Mematuhi arahan Pesuruhjaya British

**C** Memastikan detik bermakna diingati rakyat

**D** Memastikan rakyat asing menghormatinya

**20.** Apakah cabaran politik dihadapi oleh kerajaan Persekutuan setelah merdeka?

**A** Memilih pakar dari luar negara

**B** Mengantikan jawatan pegawai Eropah

**C** Melantik pegawai luar berkemahiran

**D** Mengurangkan kakitangan profesional

**21.** Apakah kepentingan kedaulatan undang-undang?

**A** Mendapatkan pengiktirafan luar

**B** Menjamin keadilan masyarakat

**C** Memperoleh prinsip persamaan

**D** Negara bebas daripada penjajahan

**22.** Apakah saranan yang sesuai kepada pemerintah untuk mewujudkan kestabilan politik negara?


**A** Mengelakkan amalan rasuah

**B** Membentuk pakatan politik

**C** Menubuhkan tabung ketenteraan

**D** Menganjurkan program kemasyarakatan

23. Rajah berikut berkaitan dengan pemerintahan dan pentadbiran di negeri Sabah.



Apakah X?

- A Dewan Negeri
- B Gabenor
- C Majlis Diraja
- D Mahkamah Anak Negeri

24. Apakah tujuan pindaan perlembagaan yang telah diusulkan di parlimen Malaysia pada tahun 1965?

- A Perlantikan Yang di-Pertua Negeri Sarawak dan Sabah
- B Kuasa autonomi semua negeri
- C Bidang kuasa Yang di-Pertuan Agong
- D Pemisahan Singapura

25. Perkara 32, Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan kedudukan Yang Dipertuan Agong.

Apakah bidang kuasa baginda?

- I Boleh membuat pengisytiharan Darurat
- II Melindungi kedudukan istimewa Melayu
- III Menjatuhkan hukuman ke atas hakim
- IV Mencadangkan rang undang-undang persekutuan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

26. Sistem Raja Berperlembagaan mewujudkan mekanisme semak dan imbang dalam pemerintahan negara.

Apakah kepentingan kuasa pengimbang pada Raja?

- A Mengatasi kemasukan pengaruh luar
- B Mengekalkan status quo orang Melayu



- C Memudahkan dasar kerajaan diluluskan
- D Meredakan pertikaian parti politik

27. Pentadbiran Kerajaan Malaysia dibahagikan kepada tiga peringkat iaitu kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan.

Mengapakah peruntukan kuasa lebih besar diberikan pada peringkat Persekutuan?

- A Melicinkan dan memantapkan sistem persekutuan
- B Mewujudkan keamanan dan keharmonian negara
- C Melahirkan negara merdeka dan berdaulat
- D Menjamin kestabilan dan kemajuan negara

28. Soalan 28 berkaitan maklumat di bawah ini.

- Program Perumahan Rakyat (PPR)
- Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan KPKT)

Apakah matlamat pembinaan perumahan tersebut?

- A Membuka pelibatan rakyat tempatan
- B Menyusun semula penempatan rumah rakyat
- C Menyediakan perumahan awam kos rendah
- D Menghapuskan rumah setinggan di bandar

29. Senarai berikut berkaitan dengan peranan Jawatankuasa Setia Kawan Malaysia (JSKM).

- X
- Mengumpulkan pandangan rakyat.
- Memberi galakan ke arah pembentukan Malaysia.

Apakah X?

- A Mewujudkan perpaduan kaum
- B Menggubal perlembagaan negara
- C Mengemukakan cadangan kepada British
- D Menyebarkan maklumat pembentukan Malaysia

30. Mengapakah kerajaan Indonesia melancarkan dasar konfrontasi?

- A Menuntut wilayah Sabah
- B Mengancam kedudukan Indonesia
- C Mengagalkan gagasan Melayu Raya

**D Menyekat kuasa orang Melayu**

31. Berikut ialah kenyataan yang dibuat oleh Tunku Abdul Rahman dalam akhbar Berita Harian, 10 Ogos 1965.

Singapura dulu menurut Perjanjian Malaysia berjanji hendak memberi pinjaman \$150,000.00 kepada Kerajaan pusat untuk pembangunan ekonomi Sabah dan Sarawak. Sebahagian dari pinjaman itu tidak dikenakan bunga tetapi pinjaman ini pun tidak diberikan. Singapura kemudian bertageh pula atas wang bunga pinjaman lain.

Apakah implikasi daripada sikap Singapura tersebut?

- A Singapura tidak memberi pinjaman
  - B Singapura membuat undi tidak percaya
  - C Singapura berpisah daripada Malaysia
  - D Singapura mencetuskan konfrontasi
32. Pada tahun 1970-an, kerajaan juga berhadapan dengan isu kadar pengangguran yang meningkat.

Bagaimanakah kerajaan mengatasi isu tersebut?

- A Menubuhkan pusat latihan vokasional dan teknikal
  - B Menggiatkan aktiviti perkilangan dan pembuatan negara
  - C Menawarkan pekerjaan dalam perkhidmatan awam
  - D Mengurangkan penggunaan tenaga kerja asing
33. Maklumat berkaitan kegiatan ekonomi dan petempatan semasa pentadbiran British.

<b>Kaum</b>	<b>Ekonomi dan Petempatan</b>
Melayu	Petani / Luar bandar
Cina	Perlombongan / Bandar
India	Perladangan / Estet

Apakah kesannya terhadap negara dan bangsa Malaysia selepas merdeka?

- A Kecekapan pengurusan
  - B Keseimbangan penduduk
  - C Kepesatan ekonomi
  - D Kerenggangan hubungan
34. Penyataan berikut merupakan antara matlamat Rukun Negara.

Mencipta masyarakat yang progresif

Bagaimanakah matlamat tersebut dapat dicapai?

- A Kekayaan negara dikongsi bersama
- B Kepentingan negara diutamakan
- C Kemajuan sains dan teknologi
- D Kebebasan agama dan adat resam

35. Selepas Dasar Ekonomi Baru (DEB) berakhir pada tahun 1990, usaha-usaha yang dilaksanakan melalui DEB diteruskan melalui Dasar Pembangunan Nasional (DPN).

Apakah matlamat yang ingin dicapai melalui DPN?

- A Masyarakat mahir teknologi tinggi
- B Perpaduan melalui pengagihan kekayaan
- C Kerjasama melalui sistem pendidikan seragam
- D Migrasi penduduk pedalaman ke bandar

36. Dasar Penswastaan dilancarkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri keempat pada Mac 1983.

Apakah tujuan dasar tersebut?

- A Mengembangkan sektor pertanian
- B Melahirkan tenaga kerja mahir
- C Meningkatkan kualiti perkhidmatan
- D Memperhebat pembukaan tanah

37. Bagaimanakah hubungan diplomatik dijalankan pada zaman Kesultanan Melayu Melaka?

- A Melangsungkan perkahwinan
- B Bantuan ketenteraan
- C Mengeksport barangan
- D Penghantaran utusan

38. Bagaimanakah kerjasama sosial dilaksanakan antara negara ASEAN?

- I Penubuhan SEAMEO
- II Projek Industri ASEAN
- III Penubuhan ZOPFAN
- IV Penganjuran Sukan SEA

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

39. Gambar berikut menunjukkan kempen antiminyak sawit.



Mengapakah NGO Pencinta Alam di Eropah melancarkan kempen tersebut?

- A Menjejaskan kesihatan
  - B Mengancam kestabilan ekonomi
  - C Menjadi punca kemusnahan hutan
  - D Menarik kemasukan pendatang asing
40. Apakah cadangan Malaysia dalam isu Antartika?
- A Dijadikan warisan manusia sejagat
  - B Diserahkan sepenuhnya kepada kuasa besar
  - C Dikongsi bersama negara sedang membangun
  - D Diterokai oleh negara berteknologi tinggi

**KERTAS SOALAN TAMAT**

Disediakan oleh,

*ica.*

( **AISAH BINTI ABIDIN** )

Guru Mata Pelajaran  
SMK Kuhara, Tawau

Disemak oleh,

( **MOHAMAD AZMIL  
AWANG JAAFAR** )

Ketua Panitia Sejarah  
SMK Kuhara, Tawau

Disahkan oleh,



( **FARIDAH BINTI JAPAR** )

Ketua Bidang Kemanusiaan  
SMK Kuhara, Tawau